



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/01/27 (HQ)

PAHANG TERIMA BEKALAN ELEKTRIK SEPENUHNYA

- Tiada lagi pencawang TNB ditutup di Pahang

Kesemua 368 pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di seluruh negeri Pahang telah mendapat bekalan sepenuhnya berikutan keadaan banjir yang semakin surut di negeri itu.

Bagaimanapun, empat pencawang masih mendapat bekalan melalui set janakuasa bergerak.

Penutupan pencawang elektrik ketika banjir dilakukan demi keselamatan pengguna dan TNB sentiasa berusaha memulihkan bekalan dengan mengambil kira aspek keselamatan pengguna dan pekerja TNB.

Bilik gerakan TNB di Pahang masih beroperasi untuk tujuan pemantauan selain bagi menyampaikan maklumat berkaitan bekalan.

Pengguna di kawasan banjir dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa sekitanya diminta berpindah dan menghubungi TNB Careline di talian 15454 jika ada pepasangan TNB, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mahupun Jabatan Kerja Raya (JKR) yang beralih atau tumbang.

Sentiasa jauhkan diri daripada menghampiri tiang elektrik, pepasangan elektrik dan kabel elektrik- termasuk yang bersalut dengan penebat yang ditenggelami air. Semua ini mungkin masih mempunyai arus bekalan elektrik dan boleh menyebabkan risiko renjatan.

Orang ramai juga dinasihatkan agar berhati-hati ketika menggunakan peralatan elektrik jika premis mereka dinaiki air. Elakkan menyentuh alat elektrik atau suis dengan tangan yang basah dan lembap kerana ia boleh menyebabkan renjatan elektrik.

Setelah banjir surut, pengguna disaran untuk mendapatkan khidmat kontraktor pendawaian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi memeriksa pendawaian di dalam premis mereka yang dinaiki air.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 Januari 2021, jam 4:30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Anggota kerja TNB Tanah Merah dan Gua Musang melakukan kerja-kerja mula tugas pencawang elektrik di Kampung Ganding di daerah Kuala Lipis, Pahang setelah dipastikan selamat untuk beroperasi.